

Mahasiswa UMS prihatin terhadap program khidmat masyarakat

OLEH JAKARIA DASAN

SK RAMPAYAN, Menggatal adalah antara sekolah rendah yang terletak sangat hampir dengan Universiti Malaysia Sabah. Sekolah ini terletak di tengah-tengah Kg Rampayan dan mempunyai keluasan yang sederhana.

Dari pengamatan kasar orang yang jarang atau pertama kali masuk ke sekolah ini, mungkin tidak salah jika dikatakan bahawa laluan masuk dan sekeliling sekolah agak sempit. Struktur bangunannya masih ada yang belum konkrit sepenuhnya.

Justeru, dalam kerancangan era pembangunan negeri dan negara, serta mengambil kira kedudukan sekolah ini yang terletak di pusat pembangunan negeri mungkin sudah tiba masanya, struktur dan prasarana sekeliling sekolah diberi perhatian sewajarnya.

Namun demikian, keadaan fizikal tidak menjadi alasan kepada Guru Besar dan guru-guru di sekolah ini, untuk terus berkhidmat dan berbakti kepada nusa dan bangsa, melaksanakan sistem pengajaran dan pembelajaran sekolah yang cekap dan efektif.

Guru Besar SK Rampayan, Cikgu Abd Razak Muda, dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah atas keprihatinan mahasiswanya dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, melalui aktiviti CSR-Komunikasi Korporat, yang telah membuat kerja-kerja gotong-royong mengecat prasarana sekolah dan mengemaskini carta sekolah serta mengadakan sesi motivasi bersama murid-murid Tahun 6 pada 13 November 2015.

Pihak sekolah amat mengalu-alukan aktiviti Mahasiswa di sekolah itu, memandangkan ianya boleh memberi suntikan motivasi kepada anak-anak yang bersekolah di SK Rampayan. Dalam ucapannya, Cikgu Abd Razak menegaskan bahawa hanya 10 tahun sahaja membezakan umur murid-murid Tahun 6 dengan Penuntut Tahun 1 Universiti.

Oleh hal yang demikian, kehadiran mahasiswa UMS ini mampu memberikan satu

suntikan motivasi yang sangat signifikan. Beliau juga sangat teruja kerana program motivasi ini turut memberi manfaat berguna kepada murid-murid SK Rampayan, dengan motivasi yang disampaikan oleh dua orang Pensyarah dari UMS. "Jarang-jarang ada Profesor dan Pensyarah yang datang memberi ceramah secara percuma. Oleh itu saya mahu murid-murid semua jangan lepaskan peluang ini. Dengar dan praktikkanlah apa sahaja nasihat yang diberikan oleh mereka," tegas Cikgu Abd Razak Muda.

Ceramah Motivasi telah disampaikan oleh dua orang pensyarah UMS dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, iaitu Prof Datuk Dr Hj Kasim Hj Md Mansur, dan Encik Jakaria Dasan. Dalam ceramahnya, Prof Datuk Dr Hj Kasim menekankan peripentingnya murid-murid menanamkan sifat-sifat orang-orang yang berjaya.

Selain itu, tunjuk ajar seorang guru hendaklah diikuti dengan penuh teliti, hati-hati dan sabar. Murid-murid perlu mendengar secara teliti apa yang disampaikan dan kemudiannya cuba mempraktikkan atau membuat latihan tubi dengan hati-hati.

Murid-murid jangan cepat bosan dan mudah putus asa jika berhadapan dengan perkara atau tugas yang sukar. Ini adalah kerana, sistem teknologi moden hari ini boleh membantu murid-murid memahami sesuatu perkara dengan mudah. Apa yang penting ialah menanamkan minat ingin berjaya dalam persekolahan. Prof Datuk Dr Hj Kasim adalah anak jati Kg Rampayan.

Beliau mendapat pendidikan sekolah rendah di sekolah yang sama. Beliau mengimbau kembali zaman persekolahannya dahulu dimana bumbung sekolah beratap zink dan kadang-kalah berlapis nipah, dan dindingnya sentiasa berganti dengan papan yang mudah reput. Lantai sekolah ada yang masih bertanah merah. Siang jadi kelas, malam jadi tempat kambing berteduh. Itulah pengalaman dan cabaran orang-orang dahulu katanya lagi.

Ceramah motivasi turut disampaikan oleh Pensyarah Komunikasi Korporat, En Jakaria

Dasan, yang juga merupakan Pensyarah Pelaksana Program CSR pada Semester 1, 2015/2016.

Beliau berkongsi dengan murid-murid mengenai tajuk "Kehebatan Membaca." Menurut beliau, orang yang membaca adalah orang yang sentiasa terkehadapan. Mereka sentiasa mempunyai kelebihan ke atas orang lain (yang malas membaca). Malah, jatuhnya sesebuah kerajaan atau empayar yang kuat pun adalah kerana kurang membaca. Memetik cerita "Panglima Awang," yang dikarang oleh Cikgu Harun Aminurrashid (1958), beliau berkongsi cerita tentang fiksyen lama kehebatan seorang Panglima dari Kesultanan Melayu Melaka sewaktu Melaka jatuh ke tangan Portugis tahun 1511.

Panglima Awang dalam cerita tersebut adalah individu yang ditawan oleh Portugis dan dijadikan hamba kepada kapitan Alfonso D'Albuquerque bernama, Fernao de Magalhães yang terkenal dalam buku sejarah dengan nama "Magellan" (Manusia pertama direkodkan mengelilingi dunia). Cerita ini belum ada kesahihannya dan sekadar dijadikan sebuah buku cerita yang popular suatu ketika dahulu. Akan tetapi ada beberapa perkaitan menarik yang mungkin boleh dikaji dengan lebih mendalam berdasarkan buku karangan Cikgu Harun Aminurrashid itu.

Cerita Panglima Awang berakhir dengan kematian "Magellan" dalam satu peperangan melibatkan dua puak di Pulau Cebu-Macthan di Kepulauan Filipina. Ini menyebabkan Panglima Awang meneruskan pelayaran dan ketika kapalnya melalui sebuah kawasan (yakni sebelum akhirnya sampai ke Muar) beliau menulis;

"Alang-kah hairan-nya Panglima Awang melihat tinggi tersergam sa-buah gunung yang belum pernah di-tempoh-nya di-Selat Melaka dahulu. Kemudian kapal-nya berlaboh di suatu pantai ada beberapa kelamin nelayan di-situ mereka mempunyai bahasa sendiri tetapi bahasa-nya iras bahasa Melayu tetapi mereka mengerti juga berbahasa Melayu seperti orang2 di-Pulau Macthan dan Cebu. Maka dari

orang2 di-tepi pantai itu Panglima Awang mengerti nama gunung yang tinggi bernama Gunung Kinabalu dan orang yang berchakap dengannya itu orang Dusun." (Harun Aminurrashid, 1958, ms. 193)

Jika cerita ini dapat dibuktikan benar, maka orang pertama yang berjaya mengelilingi dunia sudah pastinya Panglima Awang. Wujud spekulasi yang boleh menyelongkar kembali kebenaran kisah ini. Ini disebabkan sejarah-sejarah lama banyak disimpan (disembunyikan) oleh pihak penjajah. walahualam.

Seramai 23 orang Mahasiswa yang mengambil subjek Komunikasi Korporat terlibat dalam dua program berasingan di sekolah ini. Sekumpulan Mahasiswa membuat projek mengecat prasarana asas seperti tempat letak kereta dan papan tanda serta membantu mengemaskini carta di Sekolah.

Secara tidak langsung pelajar secara praktikal mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi dengan pihak sekolah bagi memastikan aktiviti yang dilaksanakan berjalan dengan baik. Sekumpulan mahasiswa lainnya, mengadakan Program Motivasi: Your Destiny, Our Concern. Program ini diadakan untuk memperkasakan minda murid-murid Tahun 6 sebagai persediaan untuk melangkah ke sekolah menengah kelak. Ini dilakukan menerusi sesi-sesi LDK.

Universiti Malaysia Sabah prihatin kepada pembangunan masyarakat setempat dan se-jagat. Yang Berbahagia Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, sentiasa menekankan agar kakitangan UMS termasuklah mahasiswanya supaya sentiasa peka kepada kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang turut menitikberatkan khidmat masyarakat. Corporate Social Responsibility, ringkasnya CSR, berupaya menjadi salah satu mekanisme berimpak tinggi yang mampu membentuk Mahasiswa yang praktikal. Mahasiswa yang akan bergraduasi dan menjadi agen kepada memasyarakatkan organisasi melalui aktiviti CSR. Mahasiswa UMS adalah mahasiswa prihatin!



CERAMAH ... Prof Datuk Dr Hj Kasim menyampaikan ceramah.



ALBUM KENANGAN ... Guru Besar En Abd Razak Muda duduk di tengah bersama murid-murid Tahun 6 dan pihak UMS.



TURUN PADANG ... Mahasiswa UMS yang menjadi penggerak kepada program.



CENDERA KENANGAN ... Prof Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur menyampaikan cendera kenangan kepada En Abd Razak Muda, Guru Besar SK Rampayan.